

**Pk. P.U. 26.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG  
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

• Undang-undang  
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kebenaran masuk hanya dengan tiket
4. Kanak-kanak
5. Orang yang tidak mandi tidak dibenarkan masuk

6. Berada di dalam kolam tanpa alasan yang berpatutan
7. Pakaian mandi mestilah dipakai
8. Larangan berludah dan merokok
9. Orang berpenyakit dilarang masuk
10. Membasuh kaki
11. Memakai cermin mata selam dilarang
12. Berlari dan tolak-menolak, *dsb.*, dilarang
13. Mencemar air bilik mandi dilarang
14. Mengganggu dan mengacau tidak dibenarkan
15. Bilik tukar pakaian, *dsb.*, tidak boleh digunakan oleh orang daripada jantina yang berlainan
16. Mengguna dan menjaga bilik mandi, *dsb.*
17. Minuman beralkohol tidak dibenarkan
18. Bahasa kesat tidak dibenarkan
19. Binatang tidak dibenarkan
20. Kehilangan atau kerosakan kepada harta orang yang mandi
21. Menutup kolam
22. Menutup kolam bagi kegunaan eksklusif
23. Mematuhi perintah-perintah
24. Kuasa Penguasa untuk mengawal selia renang
25. Dikeluarkan dari kolam
26. Penalti

#### AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

#### UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM RENANG (MAJLIS DAERAH KERIAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102 (f) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

#### **Nama dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kolam Renang (Majlis Daerah Kerian) 2004**.
- (2) Undang-undang kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.

**Tafsiran**

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kolam” ertinya mana-mana kolam renang yang dibina dan disenggarakan oleh Majlis dan apa-apa kepungan, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik atau apa-apa bahagian daripadanya, dan mana-mana premis, tanah, bangunan atau binaan yang menjadi sebahagian daripadanya atau bersangkutan dengannya;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kerian;

“Penguasa” ertinya pegawai yang dilantik oleh Majlis bagi maksud mengurus dan mengawal sesuatu kolam atau mana-mana pegawai yang pada masa itu diberi kuasa oleh Penguasa untuk menjalankan kuasa mengurus dan mengawal kolam itu bagi pihaknya.

**Kebenaran masuk hanya dengan tiket**

3. (1) Tiada seorang pun boleh dibenarkan masuk ke kolam kecuali dengan tiket.

(2) Tiap-tiap orang yang mengunjungi kolam pada bila-bila masa semasa orang ramai dibenarkan masuk hendaklah, sebelum dibenarkan masuk, mendapatkan suatu tiket daripada orang yang diberi kuasa oleh Majlis yang di atasnya hendaklah dinyatakan fi untuk masuk, dan hendaklah memberikan tiket itu kepada orang yang diberi kuasa untuk menerimanya sebelum memasuki bilik tukar pakaian.

(3) Fi untuk masuk hendaklah ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

**Kanak-kanak**

4. Tiada kanak-kanak yang umurnya di bawah enam tahun boleh dibenarkan masuk ke kolam melainkan jika ditemani oleh seorang yang boleh bertanggungjawab dan menjalankan kawalan ke atas kanak-kanak itu, atau jika pada pendapat pegawai yang menjaga pada masa itu, mana-mana kanak-kanak hendaklah ditemani sedemikian.

**Orang yang tidak mandi tidak dibenarkan masuk**

5. Kecuali dalam hal orang yang menemani kanak-kanak kecil yang mandi, tiada seorang pun yang tidak berhajat untuk mandi, boleh dibenarkan masuk atau berada di dalam kolam itu.

**Berada di dalam kolam tanpa alasan yang berpatutan**

6. Tiada seorang pun boleh, selepas menggunakan kolam, berada di mana-mana bahagiannya tanpa alasan yang munasabah.

**Pakaian mandi mestilah dipakai**

7. (1) Semua orang yang mandi hendaklah memakai pakaian mandi yang sempurna dan dalam hal orang perempuan yang mandi, hendaklah juga memakai topi mandi.

(2) Pakaian mandi hendaklah dikenakan atau dipakai dengan sempurna dan tidak boleh dibuat daripada bahan yang akan mengubah warna air atau yang jarang.

**Larangan berludah dan merokok**

8. Semua orang yang mengunjungi kolam hendaklah mengelakkan diri daripada berludah dan merokok.

**Orang berpenyakit dilarang masuk**

9. Tiada seorang pun boleh menggunakan kolam jika dia berada dalam keadaan dijangkiti kutu atau jika dia menghidapi atau disyaki menghidapi apa-apa penyakit kulit, penyakit berjangkit atau menular.

**Membasuh kaki**

10. Semua orang yang mandi hendaklah mandi air pancur dan membasuh kaki sebelum masuk ke dalam kolam.

**Memakai cermin mata selam dilarang**

11. Semua orang yang mandi adalah dilarang daripada memakai cermin mata selam.

**Berlari dan tolak-menolak, dsb., dilarang**

12. Semua orang hendaklah mengelakkan diri daripada berlari-lari, tolak-menolak atau melibatkan diri dalam permainan yang kasar yang boleh menyebabkan kecederaan kepada diri mereka sendiri atau kepada orang lain.

**Mencemar air bilik mandi dilarang**

13. (1) Tiada seorang pun yang mengunjungi kolam boleh, pada bila-bila masa, menggunakan apa-apa sabun atau apa-apa bahan atau persediaan yang akibat daripadanya air di dalam kolam itu boleh menjadi keruh atau tidak sesuai untuk digunakan sewajarnya oleh orang yang mandi, atau selainnya dengan sengaja mengotori atau mencemari kolam itu, atau selainnya dengan sengaja mengotori atau mencemari kolam itu, atau mencampakkan ke dalamnya apa-apa tuala, pakaian mandi atau apa-apa barang lain, atau dengan sengaja dan tidak senonoh mengotori atau merosakkan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik, atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya.

(2) Tiada seorang pun yang berkunjung ke kolam boleh, pada bila-bila masa, membawa masuk ke kolam itu (selain mana-mana bahagiannya yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa) apa-apa makanan atau minuman atau apa-apa kotak, bungkusan, bekas, tin, botol, kaca atau barang-barang lain yang boleh menyebabkan kecederaan pada dirinya atau kepada orang lain.

**Mengganggu dan mengacau tidak dibenarkan**

14. Tiada seorang pun boleh, pada bila-bila masa, memasuki atau cuba memasuki mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik yang diduduki oleh orang lain tanpa persetujuan orang itu, atau selainnya dengan diketahui mencero boh atau mengganggu privasi pengguna mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik itu, atau dengan berkelakuan bising, tidak senonoh atau tidak sepatutnya mengacau atau mengganggu mana-mana orang lain daripada menggunakan kolam itu atau mana-mana bahagian daripadanya dengan sewajarnya.

**Bilik tukar pakaian, dsb., tidak boleh digunakan oleh orang daripada jantina yang berlainan**

15. Tiada seorang pun yang mengunjungi kolam boleh memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang daripada jantina yang berlainan:

Dengan syarat bahawa undang-undang kecil ini tidaklah terpakai dalam hal mana-mana kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh seorang perempuan dewasa yang memasuki bilik yang dikhaskan untuk wanita.

**Mengguna dan menjaga bilik mandi, dsb.**

16. Semua orang yang mengunjungi kolam hendaklah, pada setiap masa semunasabahnya berhati-hati apabila menggunakan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik atau apa-apa alat atau harta yang ada di dalamnya, dan tidak boleh dengan sengaja memecah, merosakkan atau dengan tidak sepatutnya mengganggu perjalanan yang wajar dan sempurna apa-apa loji atau jentera yang digunakan bersangkutan dengannya atau mana-mana bahagian daripadanya.

**Minuman beralkohol tidak dibenarkan**

17. Tiada seorang pun yang mengunjungi kolam boleh membawa masuk ke dalam premis itu apa-apa minuman spirit atau yang memabukkan atau minum apa-apa minuman yang memabukkan di dalamnya, atau memasuki atau berada di dalam kolam itu dalam keadaan mabuk.

**Bahasa kesat tidak dibenarkan**

18. Tiada seorang pun yang mengunjungi kolam boleh, pada bila-bila masa, semasa berada di premis itu menggunakan apa-apa bahasa yang lucah atau kesat, atau berkelakuan tidak sopan atau menggusarkan, atau menghalang atau mengganggu mana-mana pegawai atau pekhidmat yang diambil kerja oleh Majlis dalam melaksanakan kewajipan yang wajar.

**Binatang tidak dibenarkan**

19. Tiada binatang dibenarkan berada di dalam kolam.

**Kehilangan atau kerosakan kepada harta orang yang mandi**

20. Majlis tidak sekali-kali bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan terhadap apa-apa barang yang berharga atau apa-apa barang lain sama ada hilang atau rosak kerana kelalaian, keingkaran atau perbuatan jenayah mana-mana pekhidmat Majlis atau selainnya.

**Menutup kolam**

21. Majlis boleh, pada bila-bila masa, menutup sesuatu kolam tanpa notis.

**Menutup kolam bagi kegunaan eksklusif**

22. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa, menutup sesuatu kolam buat sementara waktu kepada orang ramai atau mana-mana bahagian orang ramai untuk memberi kegunaan eksklusif pada sesuatu sekolah, kelab, kesatuan atau pertubuhan untuk pertandingan atau apa-apa tujuan lain sama ada dengan percuma atau dengan bayaran.

(2) Majlis boleh mengenakan atau membenarkan dikenakan bayaran untuk masuk atau menggunakan sesuatu kolam apabila ia ditutup sedemikian kepada orang ramai.

**Mematuhi perintah-perintah**

23. Perintah Penguasa hendaklah dipatuhi dengan segera pada setiap masa oleh semua orang yang mengunjungi kolam itu.

**Kuasa Penguasa untuk mengawal selia renang**

24. (1) Penguasa boleh pada bila-bila masa—

(a) menghentikan renang dan memerintahkan semua orang yang mandi keluar dari dalam air jika, pada pendapatnya, keadaan air itu adalah tidak memuaskan; dan

(b) menutup kolam itu dan menghentikan renang dan memerintahkan semua orang yang mandi keluar dari dalam air jika sekiranya berlaku kerosakan lampu limbah atau lampu biasa, loji dan peralatan kolam itu atau ketika kecemasan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan orang yang mandi atau jika kolam itu penuh sesak.

(2) Dalam hal pemberhentian renang atau penutupan kolam di bawah perenggan (1) (a) dan (b), tiada pemulangan wang bayaran masuk boleh dibuat atau tarikh masuk gantian percuma boleh ditawarkan melainkan jika Majlis memutuskan sebaliknya mengikut budi bicaranya yang mutlak, dan keputusan Majlis adalah muktamad.

**Dikeluarkan dari kolam**

25. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini bagi pengawalan dan pengurusan kolam boleh dikeluarkan dari kolam itu oleh Penguasa atau oleh mana-mana pegawai polis dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

(a) jika pelanggaran undang-undang kecil itu dilakukan di hadapan Penguasa atau pegawai polis itu, dan nama dan alamat orang yang melanggar undang-undang kecil ini tidak dapat dipastikan; dan

(b) jika pelanggaran undang-undang kecil itu dilakukan di hadapan Penguasa atau pegawai polis dan daripada jenis pelanggaran itu atau daripada apa-apa faktor lain yang diketahui oleh Penguasa atau pegawai polis itu, mungkin terdapat sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kehadiran yang berterusan orang yang melanggar undang-undang kecil itu boleh menyebabkan pelanggaran yang lain suatu undang-undang kecil atau jika pengeluaran orang itu dari kolam itu adalah selainnya perlu bagi menjamin penggunaan, pengawalan dan pengurusan yang sempurna kolam itu.

(2) Apabila seseorang dikeluarkan dari kolam di bawah perenggan (1), tiada bayaran masuk boleh dikembalikan dan orang itu boleh tidak dibenarkan masuk kemudiannya.

**Penalti**

26. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Dibuat 11 Ogos 2004  
[MD KERIAN 1555 SJ. 1; PU. Pk. 36/76]

DATO' BASIRAN BIN SABAN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Kerian*  
*Perak Darul Ridzuan*

Disahkan 14 September 2004  
[PSUK. Pk. (KT-AM) 30/14 Jld. 2 SJ. 1;  
PU. Pk. 36/76]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*